

Ahli2 Jawatan Kuasa Tadbir Kesatuan Pegawai2 Pentadbir Brunei

BANDAR BRUNEI.—Kesatuan Pegawai2 Pentadbir Brunei yang telah di-daftarkan baru2 ini di-bawah Undang2 Kesatuan Sakera Negeri Brunei telah mengadakan Mashuarat Agong-nya bertempat di-rumah Yang Berhormat Awang Abdul Aziz Hj. Umar di-Jalan Residency pada pagi hari Ahad 5 Februari, 1967.

Yang Berhormat Awang Abd. Aziz Hj. Umar telah memimpin Mashuarat Agong kesatuan tersebut dengan di-hadiri oleh ramai ahli2-nya.

Ahli2 Jawatan Kuasa Tadbir Kesatuan Pegawai2 Pentadbir Brunei yang telah dilantik dalam mashuarat tersebut ada-lah seperti berikut:

Yang Dipertua — Yang Berhormat Awang Abdul Aziz Haji Umar. Naib Yang Dipertua — Awang Johari bin Abdul Razak.

Setia Usaha — Awang Mohammad Haji Serudin. Penolong Setia Usaha — Awang Sidek Yahya. Bendahari — Awang Zakaria Haji Sulaiman.

Pembantu2 Umom: Pengiran Jaludin bin Pengiran Mohamed Limbang; Awang Yunus Husain; Awang Md. Salleh Hidup dan Awang Abdul Aziz Mohamed.



Beberapa orang Pengakap dan Anak2 Serigala di-Daerah Belait kelihatan dalam gambar ini di-temasha Unggun Api anjoran Pengakap2 Daerah Belait di-kawasan Ibu Pejabat Pengakap Daerah Belait di-Seria pada malam 27 Januari, 1967.

Temasha Unggun Api itu telah di-adakan sa-bagai tan-

da menguchapkan Selamat Berpisah kepada Yang Dipertua, Persatuan Pengakap Daerah Belait, Awang H.N.C. Haslam.

Pengakap2 dan Anak2 Serigala di-Daerah Belait telah juga menghadihkan chendehamata kepada Awang Haslam di-temasha Unggun Api itu.

PROJEK2 BARU M.P.P.

BANDAR BRUNEI. — Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei akan melaksanakan berbagai2 Projek M.P.P. itu pada tahun ini. Di-antara projek2 tersebut ada-lah seperti berikut:

● Pengeluaran RISA-LAH BELIA dalam bulan Februari ini atau pun dalam bulan Mach hadapan.

● Kursus Kerjasama atas bantuan Pertubuhan Belia Sa-Dunia (W.A.Y.) akan di-adakan di-Bandar Brunei. Tarikh-nya akan di-tetapkan kemudian.

● Pasar Perdagangan juga akan di-adakan pada tahun ini.

Demikian menurut Setia Usaha Agong, Majlis P. P. Negeri Brunei Awang Yahya Mohd. Yusof.

Pemereksa Kira2 Di-Jabatan Odit

Pemohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenuhi kekosongan2 sebagai Pemereksa Kira2 di-Jabatan Odit, Brunei.

GAJI: Dalam tingkatan gaji D.1-2-3 EB 4 \$210 X 10 — 270 X 15 — 315/EB/-330 X 15 — 360 X 20 — 480/-EB/500 X 20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

KELAYAKAN2: Pemohon2 mesti-lah lulus sekur-

rang2-nya Form III Inggeris dan baik dalam Ilmu Hisab. Keutamaan akan di-beri kepada calon2 yang mempunyai pengetahuan dalam book-keeping dan pengalaman accountancy.

SHARAT2 LANTEKAN: Calon2 yang berjaya yang bukan raayat Sultan akan di-beri kontrak selama 3 tahun termasuk-lah 6 bulan masa perhubungan. Calon2 yang terdiri dari raayat Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai raayat Sultan akan di-beri jawatan tetap selepas tempoh perhubungan.

BAKSIS: Calon2 yang di-lantek sechara berkontrak akan di-bayar baksis sebanyak 12½% dari gaji mereka bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti kerja atau di-buang kerja.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua Jabatan me-

reka siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Chatetan per k hidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penahkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 15 Februari, 1967.

Majlis Sembahyang Ghaib untok Mangsa2 Banjir

BANDAR BRUNEI. — Satu Majlis Sembahyang Ghaib dan Tahlii bagi mangsa2 banjir yang terkorban di-Malaysia Barat, anjoran Jawatan Kuasa Badan Ugama, Persatuan Kebajikan Melayu Sa-Malaysia di-Brunei akan di-adakan di-rumah tumpangan Ustadz Abdul Kadir Awang, Jalan Kumbang Pasang, Brunei pada jam 7.30 malam 9 Februari, 1967.

Ahli2 P.K.M.S. yang tinggal di-Daerah Temburong, Ulu Belait dan lain2-nya yang belum lagi menerima surat jemputan, ada-lah di-persilakan hadir ka-Majlis Sembahyang Ghaib dan Tahlii itu. Demikian menurut Pengerusi Jawatan Kuasa Badan tersebut, Ustadz Ibrahim Jamak.

UJIAN BAHASA MELAYU

KUALA BELAIT. — Rom-bongan Lembaga Bahasa Melayu Daerah Belait akan membuat kunjungan ka-Mukim2 Ulu Belait untuk membuat ujian Bahasa Melayu kepada pemohon2 yang telah memohon untuk mendapatkan Taraf Kerayatan Sultan ka-tempat2, tarikh dan waktu yang di-tetapkan di-bawah ini.

13 Februari 8.00 pagi — Mukim Melilas, 14 Februari 8.00 pagi — Mukim Sakang, 15 Februari 2.00

petang — Mukim Bukit Sawat, dan 16 Februari 2.00 petang — Mukim Kuala Balai.

Semua pemohon2 di-mukim2 yang di-sebutkan adalah di-kehendaki hadir ka-Balai2 Raya Mukim masing2 untok di-uji.

Pasport, Surat Perjalanan Biasa, Surat Beranak, Kad Pengenalan, Surat Kebenaran Kediaman dan lain2 surat keterangan jika ada hendak-lah di-bawa bersama.

PEGAWAI2 BARU M.P.P. NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei telah mengadakan Kongres Tahunan-nya di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada hari Juma'at 3 Februari. Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Seruddin, Pengerusi Tetap, Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei telah memimpin persidangan tersebut.

Pegawai2 Tadbir Ter-

tinggi, Pusat Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei yang telah di-lantek dalam Kongres tersebut ada-lah seperti berikut:

Yang Dipertua Agong — Yang Berhormat Awang Abdul Aziz Haji Umar, Timbalan Yang Dipertua Agong — Awang Suni Haji Idris (Kedua2 beliau di-lantek sa-mula).

Setia Usaha Agong — Awang Yahya Mohd. Yusof

(Di-lantek sa-mula).

Pengerusi Tetap — Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Seruddin (Di-lantek sa-mula).

Bendahari Agong — Awang Ahmad bin Kadi.

Para perwakilan di-majlis tersebut telah memberi kuasa penoh kepada Pegawai2 tersebut untok melantek Ahli2 Jawatan Kuasa Tadbir Pusat, M.P.P. Brunei.



Puan Halimah binte Haji Nor, Pengetua, Taman Pendidikan Islam Selangor, Malaysia telah melawat ka-Negeri Brunei mulai pada 28 Januari, 1967 hingga 3 Februari, 1967. Pada masa lawatan itu, Puan Halimah telah melawat ka-beberapa tempat di-negeri ini dengan di-iringi oleh Pe-

gawai2 dari Badan Penerangan Ugama Islam, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei. Puan Halimah juga telah memberikan sharahan di-beberapa majlis perjumpaan dan di-ra'ikan di-Majlis2 Jamuan Makan pada masa lawatan beliau ka-Negeri Brunei baru2 ini. Puan Halimah

kelihatan dalam Gambar BPUI ini sa-masa lawatan beliau ka-Studio Radio Brunei pada 30 Januari.

*Gunakan-lah
Bahasa
Melayu*

PEMBENAAN MASJID2 BARU

DUA Majlis Penyampaian Kurniaan Wang daripada Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan sa-bagai bantuan untuk pembenaan Masjid2 Baru di-Negeri Brunei telah di-langsungkan baru2 ini.

Kurniaan wang tersebut telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin, Pengetua, Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei kepada Pengerusi Jawatan Kuasa Pembenaan Masjid2 Baru itu.

Masjid2 Baru yang akan di-bena itu ia-lah di-Kampung Sengkurong dan di-Kampung Pulau Baru-Baru.

Yang Amat Mulia Pg. Muda Dato Paduka Kemaluddin, dalam ucapan beliau di-Majlis2 tersebut, telah mengucapkan sa-tinggi2 tahniah kepada penduduk2 Kampung2 yang berkenaan itu atas usaha mereka bekerjasama dan menayakan pungenan derma untuk pembenaan Masjid Baru di-kampung masing2.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin berharap sa-moga dengan siap-nya pembenaan Masjid2 Baru di-Kampung2 yang berkenaan itu, maka dapat-lah membawa ka-arrah kejayaan dunia dan memperoleh kebahagiaan di-akhirat kelak.



Guru2 Ugama di-Daerah Tutong telah mengadakan satu Majlis Perjumpaan Hari Raya di-Dewan Makan, Masjid Hassanah Bolkihah, Tutong pada pagi hari Sabtu 4 Februari,

1967. Di-antara para hadirin di-majlis tersebut ia-lah Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin;

Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh, Pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei dan Guru2 Ugama di-Daerah

Tutong. Gambar ramai ini diambil di-pekarangan Masjid Hassanah Bolkihah, Tutong selepas di-langsungkan Majlis tersebut.

GAMBAR BPUI.